

# Kolej Al-Jaziera, Yemen membuat kunjungan balas ke UniMAP

Pada 12-17 Januari 2010, UniMAP telah menerima lawatan daripada Kolej Al-Jaziera, seramai 4 orang delegasi iaitu diketuai oleh Dekan Kolej Al-Jaziera, Dr. Hashim. Tujuan utama kehadiran mereka adalah perbincangan mengenai kemasukan pelajar dari Yemen ke UniMAP pada sesi kemasukan 2010/2011 untuk mengikuti pengajian ijazah pertama di sini. Sehingga kini, seramai 21 orang pelajar dari Yemen sedang mengikuti "Preparatory Program" di Kolej Al-Jaziera, Yemen.

Terdahulu, pihak UniMAP telah melawat ke Kolej Al-Jaziera pada tahun lepas dan kedua- dua pihak telah berbincang mengenai potensi kerjasama yang boleh dijalankan antara kedua- dua pihak.

Delegasi juga turut dijemput menghadiri Majlis Sambutan Tahun Baru Cina yang dianjurkan oleh Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, yang diadakan bagi meraikan pelajar- pelajar antarabangsa dari negara China yang turut dihadiri oleh pelajar- pelajar antarabangsa lain seperti Yemen, Sudan, Somalia, dan Indonesia.